



Headline	UniKL tak rela putih mata kali ketiga		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	03 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	297,950
Page No	51	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	205 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,940
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,821



UniKL tak rela putih mata kali ketiga

Kuala Lumpur: Selepas dua kali berturut-turut kecundang kepada Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail Thunderbolt (SSTMI Thunderbolt) di pentas final Piala Milo, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) tidak mahu episod pahit itu berulang di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, malam ini.

"Cukuplah dua kali dan kami tidak mahu lagi menanggung kekecewaan buat kali ketiga berturut-turut. Kami mahu menebus kekalahan pada 2011 dan 2012 sekali gus mengulangi episod gembira pada 2010 dengan merangkul kejuaraan.

"Malah, ini adalah detik terbaik untuk kami menebus semula kekalahan tipis 3-4 kepada lawan pada perlawanan terakhir liga Divisyen Satu yang membolehkan



wakil Johor itu merangkul kejuaraan. Kami tidak akan benarkan mereka merangkul kejuaraan berganda," kata jurulatih UniKL, K Enbaraj.

Kali keempat bertembung

Dalam pertembungan final tahun lalu, UniKL tewas tipis 1-2 yang membolehkan SSTMI Thunderbolt merangkul kejuaraan kedua

berturut-turut selepas tahun sebelum itu mereka menundukkan UniKL 3-2 menerusi penentuan penalti.

Enbaraj berkata, pertembungan kali keempat kedua-dua pasukan di pentas final sememangnya dinanti, tetapi menjangkakan saingan pastinya se-

ngit.

"Saya puas hati dengan prestasi ditunjukkan pemain sebelum ini dan jika mereka terus memberi tekanan kepada lawan dalam perlawanan malam esok (malam ini), sudah tentu kami dapat meraih gelaran juara Piala Milo," katanya.

Juara Piala Milo akan membawa pulang hadiah wang tunai

JADUAL

Final

⊙ SSTMI Thunderbolt mIn UniKL (8 mIm)

Penentuan tempat 3/4

⊙ SSTMI Jr mIn MBI Anderson (6 ptg)

(Semua perlawanan di Std Hoki Nasional Bukit Jalil)

RM25,000 berserta trofi manakala naib juara (RM15,000), ketiga (RM12,000) dan keempat (RM10,000).